



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

OGOS 2026



## HARI KEMERDEKAAN

28 OGOS 2026M | 15 RABIULAWAL 1448H

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُوْرٍ

اَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ اَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ

فَلَا هَادِيَ لَهُ.

اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا

مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ

اَجْمَعِيْنَ.

اَمَّا بَعْدُ،



فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ.**

Tanggal 31 Ogos 2026 ini merupakan tarikh ulang tahun Kemerdekaan negara kita yang ke-69. Ini bermakna, kita telah merdeka selama 69 tahun daripada cengkaman penjajahan kuasa asing. Merdeka bererti kita bebas untuk memerintah sendiri dan membina sebuah negara yang berdaulat mengikut acuan kita sendiri.

Dalam lipatan sejarah, kita pernah berada di bawah cengkaman penjajah asing selama hampir 500 tahun. Pelbagai cabaran, kesengsaraan dan keperitan telah dirasai oleh nenek moyang kita di bawah pemerintahan Portugis, Belanda, British dan Jepun. Mereka berjuang bermati-matian mempertahankan tanah air



yang tercinta ini daripada dirampas. Demikian juga usaha membebaskan negara daripada ancaman pengganas komunis. Allah ﷻ berfirman dalam surah al-Hajj ayat 39:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَتِّلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ٣٩

**Yang bermaksud:** “Diizinkan berperang bagi orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan).”

### **Sidang Jumaat yang Berbahagia.**

Mensyukuri nikmat keamanan adalah salah satu tanda kita mencintai tanah air, tanah tumpahnya darah kita. Ia bertepatan dengan ajaran Islam kerana Baginda Rasulullah ﷺ sendiri amat mencintai kota Mekah seperti sabdanya dalam hadis riwayat Imam al-Tirmidzi:

وَاللَّهِ إِنَّكَ لَخَيْرُ أَرْضِ اللَّهِ، وَأَحَبُّ أَرْضِ اللَّهِ إِلَيَّ اللَّهُ،

وَلَوْلَا أَنِّي أَخْرِجْتُ مِنْكَ مَا خَرَجْتُ.

**Yang bermaksud:** *“Demi Allah! Sesungguhnya engkau (Mekah) adalah bumi Allah yang paling baik dan bumi yang paling aku cintai. Kalaupun aku tidak diusir keluar daripadamu, nescaya aku tidak akan keluar.”*

Bayangkan keperitan dan kepayahan generasi dahulu yang hidup dalam serba ketakutan. Ada dalam kalangan nenek moyang kita diperlakukan dengan zalim seperti ditangkap, dipenjara dan dibunuh kerana menentang penjajah. Contohnya di Pahang ini, peristiwa pada tahun 1892 di Kampung Budu, dalam daerah Lipis menjadi antara detik hitam dan bukti kekejaman penjajah. Dalam tragedi berdarah tersebut, British telah membakar seluruh kampung hingga ratusan nyawa penduduk terkorban kerana kampung tersebut menjadi kubu kuat pahlawan Melayu menentang penjajah British. Sawah, tanam-tanaman dan ternakan habis dimusnahkan. Apabila kita mencapai Kemerdekaan, barulah keamanan dapat dikecapi kembali dan ia merupakan nikmat yang sangat besar. Sabda Baginda ﷺ dalam hadis riwayat Imam al-Tirmidzi yang bermaksud: *“Sesiapa yang pada pagi harinya berada dalam keadaan aman di tempat tinggalnya, sihat tubuh badannya dan mempunyai makanan untuk hari itu, maka seolah-olah telah dihimpunkan baginya seluruh nikmat dunia.”*



Hadis ini amat bertepatan untuk menggambarkan betapa pentingnya nikmat kemerdekaan kerana dengannya kita dapat hidup dalam keadaan aman, sihat tubuh badan dan mempunyai makanan yang cukup.

Sebagai negara milik orang Islam, majoriti penduduk beragama Islam dan dipimpin oleh pemimpin Muslim, kemerdekaan membolehkan kita mengamalkan ajaran Islam dengan aman tanpa sekatan. Ini termasuklah kita bebas untuk mendirikan masjid, melaungkan azan, menyebarkan agama Islam, belajar al-Quran, menutup aurat dan sebagainya. Semua ini tidak dapat dicapai jika kita masih berada di bawah kuasa penjajahan asing atau di bawah pemerintahan orang kafir yang sememangnya tidak mahu Islam didaulatkan di negara ini.

### **Sidang Jumaat yang dimulihkan.**

Kemerdekaan juga ialah bebas daripada pengabdian diri kepada selain Allah ﷻ. Islam mengajar bahawa manusia hanya benar-benar merdeka apabila tidak menjadi hamba kepada hawa nafsu, harta, pangkat atau manusia. Demikian juga kita hendaklah merdeka daripada penjajahan pemikiran. Ia datang dalam bentuk



budaya hedonisme (membudayakan kehidupan untuk berhibur), ketagihan kepada media sosial, fahaman liberal dan ideologi sesat. Jika kita tidak memerdekakan diri daripada penjajahan pemikiran, lahirlah generasi yang lebih mengenali artis daripada mengenali ulama, menghabiskan masa berjam-jam di TikTok, Instagram atau Facebook tetapi malas membaca al-Quran, dan generasi yang tidak mementingkan halal-haram dan dosa-pahala dalam kehidupan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ.**

Daripada khutbah pada hari ini dapatlah disimpulkan beberapa perkara:

**Pertama**, mensyukuri nikmat keamanan adalah salah satu tanda kita mencintai tanah air.

**Kedua**, kemerdekaan membolehkan kita mendirikan negara yang berdaulat serta melaksanakan tuntutan Islam tanpa halangan.

**Ketiga**, generasi muda perlu mengambil iktibar daripada keperitan generasi dahulu hidup di bawah kuasa penjajah.

**Keempat**, menghargai pejuang kemerdekaan yang mengorbankan nyawa dan harta benda demi kemerdekaan tanah air.

**Kelima**, kemerdekaan bukan hanya bebas daripada penjajahan fizikal, akan tetapi kemerdekaan sebenar dalam Islam adalah bebas daripada perkara yang menjauhkan kita daripada Allah ﷻ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ،  
فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ،

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.